

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
24/3/2019	IKN	Kanser	Berita Harian	Kementerian kaji kurangkan kos rawatan kanser	16



Dr Dzulkefly melepaskan peserta program Larian Hari Kanser Sedunia di Institut Kanser Negara, Putrajaya, semalam.

Kementerian kaji kurangkan kos rawatan kanser

➔ Usaha babit pindaan kawalan ubat, khusus di hospital swasta

Oleh **Mohd Husni Mohd Noor**
mhusni@nstp.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan sedang melakukan kajian terperinci bagi mengurangkan kos rawatan kanser, khususnya di hospital swasta.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kajian itu membabitkan pindaan kawalan ubat-ubatan bagi menentukan harga rawatan yang ditetapkan selama ini.

"Usaha ini dilakukan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta agensi lain bagi melihat harga dan kawalan ubat dalam rawatan kanser.

"Dari segi rawatan di bawah fasiliti Kementerian Kesihatan, ia tidak mempunyai masalah dari sudut kos



Kelewatan mengenal pasti kanser dari awal menyukarkan kanser itu dirawat, sekali gus mungkin membabitkan kos yang tinggi"

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

kerana segala-galanya di-kawal pihak Kementerian," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan program Larian Hari Kanser Sedunia di Institut Kanser Negara di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly menggesa rakyat Malaysia tanpa mengira lapisan umur supaya menjalani ujian saringan kanser pada peringkat awal.

Buat ujian saringan pengesanan awal

"Kelewatan mengenal pasti kanser dari awal menyukarkan kanser itu dirawat, sekali gus mungkin membabitkan kos yang tinggi.

"Tidak kira siapa pun atau di mana berada, sila jalani ujian saringan pengesanan kanser di mana-mana hospital dan klinik kesihatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan giat menjalankan pelbagai kempen kesedaran bagi mencegah risiko kanser dalam kalangan rakyat Malaysia, termasuk kempen tak nak merokok dan kurangkan pengambilan gula dan alkohol.

Katanya, kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati hampir 30 hingga 50 peratus penyakit kanser mampu dicegah melalui gaya hidup sihat.